

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: Thursday, April 19, 2018 1:02 PM
To: UUM - All Staff
Subject: FELO ADJUNG NCRC BERKONGSI ILMU STRATEGI LAUTAN BIRU DI EDC UUM



Pusat Penyelidikan
Koridor Utara
NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE
Universiti Utara Malaysia

KHAMIS, 19 APRIL 2018 | 3 SYAABAN 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلامة على كل شيء ولا اله الا الله وحده لا شريك له

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr./Tuan/Puan



NCRC ONLINE : Northern Corridor Research Center, Universiti Utara Malaysia (NCRC-UUM) telah menganjurkan Bengkel Strategi Lautan Biru di EDC Resort, Universiti Utara Malaysia pada 16 April 2018. Program ini merupakan salah satu inisiatif NCRC untuk memberi pencerahan tentang konsep sebenar Strategi Lautan Biru yang merupakan tunggak kepada Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS) yang diaplikasikan dalam kebanyakan program-program libat-sama komuniti dan inovasi sosial di UUM dan semua Universiti awam di Malaysia.

Bengkel sehari ini telah dikendalikan oleh Dr Mazalan Kamis, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Darul Ridwan yang juga merupakan Felo Adjung NCRC. Beliau merupakan antara individu awal yang terlibat dalam pembangunan NBOS di Malaysia ketika berkhidmat di Unit Perancangan Ekonomi Negara. Di dalam bengkel ini, para peserta telah diperkenalkan dengan konsep sebenar strategi tersebut, teknik-teknik dalam membentuk strategi lautan biru serta berpeluang mengaplikasikannya di dalam konteks organisasi masing-masing.

Bengkel sehari ini telah dihadiri oleh seramai 29 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Pusat Zakat Negeri Kedah, MADA, Multimedia Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM), syarikat swasta dan pegawai-pegawai UUM sendiri. Turut hadir dalam bengkel ini ialah Dr Norehan Abdullah, Timbalan Pengarah NCRC.

Prof Dr Mansor, Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti UPM berkata, “setelah menghadiri bengkel ini, barulah kita memahami konsep sebenar BOS daripada yang pakar. Bengkel ini telah membuka minda tentang bagaimana kita dapat menjana strategi yang lebih dalam membantu komuniti pada masa hadapan”.

Selain itu, Pn Zetty Radzi, konsultan daripada Syarikat Tanmiya Tinnas turut menyatakan bahawa “pengisian bengkel ini amat berguna bagi saya sebagai seorang usahawan dalam untuk merancang strategi bersaing yang lebih mantap. Banyak yang saya pelajari dari sesi di dalam bengkel ini”.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.